

08/03/2002

Penerbangan domestik Subang dipindah ke KLIA

Saufi Hamzah; Jami'ah Shukri; Kanda Sidi

PUTRAJAYA, Khamis - Penerbangan domestik di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS), Subang, membabitkan AirAsia Sdn Bhd dan Penerbangan Malaysia (MAS) akan dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di Sepang, bermula Julai ini.

Ketika mengumumkan perkara itu pada sidang akhbar di sini hari ini, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keputusan pemindahan operasi penerbangan komersial itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet, semalam.

Katanya, langkah itu selaras pembukaan operasi kereta api Laju Ekspres Rail Link (ERL), dari KL Sentral ke KLIA, bermula 19 April ini.

Dr Ling berkata, perpindahan itu bagaimanapun tidak membabitkan operasi kapal terbang pengangkut dan kargo membabitkan Transmile Air dan Berjaya Air.

Beliau berkata, pihaknya sudah berbincang dengan syarikat penerbangan komersial itu mengenai perpindahan itu dan mereka meminta sehingga Jun ini untuk membuat pelbagai persediaan bagi memindahkan operasi mereka termasuk aspek penyelenggaraan dan logistik.

"Kita sudah beritahu mereka dan mereka bersedia berpindah jika itu keputusan kerajaan," katanya.

Sebelum ini, cadangan penutupan operasi di Terminal 3, L TSAAS pernah diumumkan berikutan bermulanya operasi tren ERL dari KL Sentral ke KLIA, April ini.

Lapangan L TSAAS sepatutnya ditutup apabila KLIA beroperasi pada 30 Jun 1998 tetapi Terminal 3 dikekalkan atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menampung keperluan penumpang domestik.

Dr Ling berkata, perpindahan penerbangan komersial itu dijangka mampu meningkatkan jumlah penumpang di KLIA dan menjadikannya pusat penerbangan utama di negara ini.

"Pemindahan itu juga akan memberikan kesan yang baik kepada perkhidmatan ERL," katanya.

Mengenai operasi Transmile Air pula, Dr Ling berkata, operasi syarikat itu di Subang masih panjang, iaitu 10 tahun lagi manakala bagi Pelangi Air, kerajaan akan membuat keputusan selepas syarikat itu selesai menjalankan penstrukturan semula.

Sementara itu, AirAsia akur keputusan Kabinet memindahkan operasinya dari L TSAAS ke KLIA Julai ini.

Pengerusinya, Datuk Pahamin A Rajab, berkata bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan berlaku pengurangan jumlah penumpang berikutan perpindahan itu, khususnya penerbangan antara Kuala Lumpur dan Johor .

"Sehubungan itu, pihaknya perlu merangka strategi baru termasuk mengenal pasti destinasi lain yang lebih berpotensi terutama di Sarawak dan Sabah untuk diterokai, selain mengkaji destinasi sedia ada," katanya di sini.

Di GEORGETOWN, Dr Ling berkata, AirAsia tidak akan menaikkan tambangnya dalam tempoh terdekat berikutan perpindahan itu.

"Kami tidak akan menaikkan tambang penerbangan bagi semua destinasi Asia, walaupun operasi penerbangan domestik akan berpindah dari Subang ke KLIA," katanya dalam sidang akhbar selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dengan penerbangan khas Air Asia dari Kuala Lumpur, hari ini.

Pesawat Boeing 737-300 membawa 148 penumpang itu termasuk wartawan dari Kuala Lumpur mendarat di sini kira-kira jam 5.05 petang dan disambut oleh

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian negeri, Datuk Kee Phaik Cheen.

Pahamin berkata, syarikat itu juga akan mengembangkan operasinya di sekitar Asia pada masa depan.

(END)